

ANALISIS KOMPONEN TEKSTUAL DALAM TEKS MELAYU KLASIK ABAD KE-17

Mohammad Fadzeli Jaafar
fadzeli@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini bertujuan menganalisis komponen tekstual yang dipersembahkan dalam teks *Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin (UMSMM)*, karya Abdul Rauf Singkil. Teks ini merupakan versi asal dalam bahasa Melayu yang telah ditransliterasi daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi. Analisis tertumpu pada komponen struktural dan komponen pautan. Tumpuan dalam komponen struktural pada struktur tematik (tema dan rema) dan struktur maklumat (latar–baharu). Tumpuan dalam komponen pautan pula pada kehadiran kata penghubung dan kata wacana yang tertentu, seperti “maka”, “bahawa” dan “bermula”, dan fungsinya dalam teks *UMSMM*. Daripada kajian ini didapati bahawa pengarang cenderung menggunakan ayat kompleks dengan pengaruh tatabahasa Arab, yang ditandai dengan unsur penghubung “dan” yang banyak dalam sesuatu ayat. Dari aspek pautan pula, teks kajian ini memperlihatkan kata wacana yang tertentu, seperti “maka” yang mempunyai beberapa makna yang berbeza mengikut konteks ayat. Dari segi susunan maklumat, teks *UMSMM* cenderung menonjolkan gaya maklumat latar–baharu. Kajian ini memperlihatkan perbezaan gaya penyampaian teks klasik pada abad ke-17 berbanding dengan gaya bahasa teks moden pada abad ke-21. Implikasi kajian ini memperlihatkan keistimewaan teks *UMSMM* dari segi pengaruh karya ini dalam masyarakat Islam di Kepulauan Melayu.

Kata kunci: komponen tekstual, komponen struktural, komponen pautan, struktur tematik, tema–rema, struktur maklumat, kata wacana

Abstract

This article aims to analyse the textual components which are presented in the text of Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin (UMSMM), by Abdul Rauf Singkil. The text being studied is the original Malay version which has been transliterated from Jawi script into Romanized script. The analysis focused particularly on the structural components and cohesion. The structural components concentrated on thematic structure (theme and rheme) and structural information (given–new). Concerning cohesion components, the focus was on the presence of conjunctions (eg. dan) and discourse markers (eg. maka, bahawa, bermula) and their functions in the text. This study found that the author tends to use complex sentences with the influenced by Arabic grammar, which is marked by the repeated use of the conjunction “dan” in a sentence. Analysis from the aspect of cohesion revealed that “maka”, for example, has several meanings, depending on the context of the sentences. Furthermore, in terms of information structure, it is found that the style of given–new information is preferred. This study shows the significant difference in the presentation style of classical texts in the 17th century compared to the modern style of presentation in 21st century texts. This study contributes to displaying the uniqueness of UMSMM and the influence of this work in the Muslim community, especially the Malay Archipelago.

Keywords: textual components, structural components, cohesion components, thematic structure, theme–rheme, structure information, discourse markers

PENDAHULUAN

Kajian tentang sistem kebahasaan orang Melayu pada abad ke-16 telah dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1991) berdasarkan teks Melayu *Aqa'id Al-Nasafi (AN)*. Perbincangan Asmah mencakupi pelbagai aspek bahasa, iaitu tulisan dan ejaan, morfologi, sintaksis dan perbendaharaan kata. Teks Melayu *AN* ini dihasilkan dengan tujuan mengajarkan hal yang berhubung dengan akidah agama Islam. Oleh itu, gaya bahasanya bersifat didaktik. Asmah mendapati teks *AN* sukar difahami dengan bacaan sepintas lalu kerana pengaruh struktur bahasa Arabnya. Makalah ini merupakan lanjutan daripada kajian Asmah kerana teks Melayu yang diteliti telah dihasilkan pada abad ke-17, iaitu *Umdat Al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin*

(*UMSMM*). Teks ini telah dikarang oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Kitab ini terdiri daripada tujuh bab dan bertujuan memberikan panduan kepada orang-orang yang menuju ke jalan Allah. Perbincangan dalam kitab ini tertumpu pada aspek akidah, akhlak dan keimanan.

Dari sudut gaya bahasa, teks *UMSMM* ini mempunyai persamaan dengan *AN* kerana mempamerkan gaya bahasa didaktik, pengaruh Arab dan mengandungi ciri keagamaan. Sebagaimana teks Melayu *AN*, teks *UMSMM* juga menggunakan sistem tulisan Jawi, tanpa perenggan atau tanda baca, seperti koma, noktah atau tanda soal yang berfungsi menandakan batas perenggan atau ayat. Batas perenggan atau ayat dalam teks klasik dapat dikesan berdasarkan penggunaan penanda wacana yang tertentu, misalnya *bermula*, *dan*, *adapun*, dan *maka*.

Secara khusus, makalah ini hanya meneliti komponen tekstual yang terdapat dalam teks *UMSMM*. Analisis komponen tekstual ini terdiri daripada dua kumpulan, iaitu struktural dan pautan (*cohesion*). Komponen struktural meneliti struktur tematik, iaitu “tema–rema” dan “maklumat latar–baharu”, sementara komponen pautan tertumpu pada “rujukan”, “penghubung wacana” dan “pautan leksikal”. Analisis kebahasaan dalam makalah ini berdasarkan kerangka nahu fungsian (*functional grammar*) yang dianjurkan oleh Halliday (1994). Perlu dijelaskan bahawa makalah ini hanya menganalisis sejumlah ayat dalam teks tersebut, sebagai contoh perbincangan untuk memperlihatkan gaya bahasa dalam teks ini.

KOMPONEN STRUKTURAL

Komponen struktural membincangkan struktur tematik (tema–rema) dan struktur maklumat (latar–baharu). Perbincangan tentang komponen struktural dalam teks kajian ini dapat memperlihatkan gaya pengarang dalam memilih judul dan fokus cerita. Hal ini dapat dikesan berdasarkan susunan maklumat yang dipersembahkan oleh pengarang.

TEMA–REMA

Konsep tema–rema secara umumnya merujuk metode untuk menstrukturkan maklumat (Rath, 2010:88). Pengenalpastian maklumat tema–rema berdasarkan susunan kata. Elemen yang mula-mula hadir dalam klausa ialah tema, dan elemen yang mengikutinya, iaitu rema

(Adebola, 2011:290). Hal ini bersesuaian dengan pernyataan Thomson (2004:143) bahawa tema ialah konstituen yang pertama hadir dalam klausa, sementara konstituen lain dilabel sebagai rema. Tema dan rema juga merujuk konsep judul dan cerita. Menurut Asmah Haji Omar (1991) tema tidak sama dengan subjek kerana tema ialah apa-apa sahaja unsur bahasa yang menjadi judul pada sesuatu ayat. Tema boleh memasuki apa-apa sahaja golongan nahu. Subjek pula terbatas pada kata atau frasa nama sahaja. Halliday (1994, lihat juga Bloor & Bloor, 1995) pula menjelaskan bahawa tema ialah apa-apa yang dipilih oleh pengarang atau penutur untuk bermula (*writer or speaker oriented*). Dengan meneliti tema, maka pola ayat, khususnya judul ayat dalam teks *UMSMM* dapat dijelaskan dengan lebih baik, lebih-lebih lagi, teks *UMSMM* ini bercirikan kearaban. Struktur ayatnya sangat kompleks. Analisis tema didapati lebih sesuai untuk menjelaskan makna yang terkandung dalam sesuatu ayat. Misalnya:

- (1) *Bermula, segala sifat yang wajib pada hak segala Rasul Allah itu tiga perkara. (166)*
- (2) *Adapun setengah daripada sifat yang wajib bagi hak Taala itu dua puluh sifat. (165)*
- (3) *Maka wajiblah atas tiap-tiap orang yang akli baligh itu mengetahuinya barang yang wajib pada hak Taala, dan yang mustahil atas-Nya dan yang harus bagi-Nya. (164)*
- (4) *Dan mustahil atas mereka itu mengerjakan segala yang ditegah Allah Taala kerana adalah mereka itu disuruhkan Allah Taala mengajar segala makhluk-Nya dengan segala kata mereka itu, dan segala perbuatan mereka itu, dan dengan diam mereka itu. (168)*
- (5) *Telah disuruhkan Allah mereka itu dengan menyebut-nyebut zikir mereka itu akan segala bapa mereka itu atau terlebih sangat daripada sebut mereka itu pada pihak nyaringnya. (176)*

Teks *UMSMM* didapati memulakan tema ayat dengan kata wacana dan kata penghubung, misalnya *bermula, adapun, maka, dan dan telah*. Dalam contoh (1) klausa *segala sifat yang wajib pada hak segala rasul Allah itu* yang mengikuti kata *bermula* merupakan tema ayat. Kata *bermula* ini berfungsi memulakan topik pembicaraan dengan tujuan menarik perhatian pembaca tentang perkara yang dibicarakan. Hal yang sama juga terjadi

pada contoh yang berikutnya, iaitu klausa yang hadir selepas kata *dan*, *maka* dan *maka adapun* merupakan tema ayat. Dalam konteks ini, kata *dan*, *maka* dan *maka adapun* berfungsi memberikan penegasan pada tema ayat. Batasan tema sebenarnya lebih mudah dikenali dengan adanya kata penentu *itu* dalam kesemua contoh ayat tersebut.

FUNGSI TEMA

Secara amnya, tema berfungsi memberitahu pembaca atau pendengar tentang mesej yang terdapat dalam sesuatu klausa, iaitu sebagaimana yang dinyatakan oleh Halliday (Thompson, 2004: 143) “*what the clause is about*”. Walau bagaimanapun, kecenderungan pengarang memilih jenis tema yang tertentu dapat memperlihatkan fungsi yang tertentu. Misalnya, berdasarkan analisis tema dalam teks *UMSMM*, didapati pengarang cenderung memilih jenis dan elemen tema yang sama untuk memperlihatkan kerangka pemikiran tertentu. Pemilihan jenis tema yang sama berfungsi menandakan pengekalan topik atau perkembangan topik, sementara pemilihan elemen tema yang sama berfungsi menandakan peralihan kerangka pemikiran yang baharu. Hal ini dapat dikesan berdasarkan kehadiran kata wacana pada awal perenggan.

(a) Pengekalan Topik

Pengekalan topik bermaksud pengarang cuba mengekalkan sesuatu topik yang dibincangkan melalui pilihan jenis tema yang sama pada awal klausa. Dalam teks *UMSMM*, pengekalan topik ditandai oleh kata *adapun*.

- (6) *Adapun* setengah daripada sifat yang wajib bagi hak Taala itu dua puluh sifat. (165)
- (7) *Adapun* segala sifat yang mustahil atas hak Taala, maka iaitu dua puluh sifat. (165)

Kedua-dua contoh di atas menggunakan jenis tema yang sama, iaitu pernyataan tentang sifat Allah. Pilihan jenis tema yang sama ini ditandai oleh kata *adapun*. Yang berbeza ialah contoh (6) menceritakan sifat wajib, sementara contoh (7) berbicara sifat yang sebaliknya bagi Allah, iaitu mustahil. Walau bagaimanapun, aliran pemikirannya masih kekal. Dalam perkataan lain, kata *adapun* dalam teks *UMSMM* tidak memperlihatkan

aliran pemikiran yang baharu, tetapi menandakan pengejalan topik yang sama.

(b) Peralihan Topik

Peralihan topik bermaksud pengarang cuba mengalihkan kerangka pemikiran yang lain dengan cara memilih elemen tema yang sama pada awal klausa. Peralihan kerangka pemikiran ini ditandai oleh kata bermula. Misalnya:

- (8) *Bermula, ketahui olehmu hal segala saudaraku yang berkehendak menjalani jalan kepada Allah, bahawasanya yang pertama-tama wajib atas segala orang yang akil baligh itu, iaitu mentauhidkan hak Subhanahuwataala... Maka wajiblah atas tiap-tiap orang yang akil baligh itu mengetahuinya barang yang wajib bagi hak Taala, dan yang mustahil atas-Nya dan yang harus bagi-Nya. (164)*
- (9) *Bermula, segala sifat yang wajib pada hak segala Rasul Allah itu tiga perkara. (166)*

Tema *Bermula, ketahui olehmu hal segala saudaraku yang berkehendak menjalani jalan kepada Allah* dalam contoh (8) berfungsi memperkenalkan kerangka atau topik pembicaraan, iaitu mentauhidkan Allah. Contoh (9) turut memilih elemen tema yang sama, iaitu *bermula* tetapi memperlihatkan topik pembicaraan yang berbeza, iaitu sifat yang wajib bagi rasul. Dengan ini, dalam teks *UMSMM*, tema yang menggunakan elemen *bermula* memberikan isyarat kepada pembaca tentang peralihan topik pembicaraan.

MAKLUMAT LATAR-BAHARU

Dari segi susunan maklumat, teks *UMSMM* memperlihatkan pola maklumat latar-maklumat baharu (*given information-new information*). Maklumat latar merujuk maklumat lama yang dijadikan topik pembicaraan, sementara maklumat baharu merujuk maklumat yang menjadi fokus sesuatu mesej yang ingin disampaikan. Konsep latar-baharu ini ada persamaannya dengan tema-remaja. Maklumat latar merujuk tema, sementara maklumat baharu merujuk remaja. Dalam analisis susunan maklumat, bahagian yang dianggap penting ialah maklumat baharu kerana maklumat ini tidak dikongsi sebelumnya. Hal ini bersesuaian dengan konsep tema-remaja yang terdapat dalam nahu fungsian, iaitu remaja perlu sentiasa baharu maklumatnya

kerana pada bahagian inilah terletaklah “kebaharuan” maklumat dalam sesuatu klausa atau ayat (Idris Aman, 2010:70). Misalnya:

Jadual 1 Maklumat latar dan maklumat baharu.

Maklumat latar	Maklumat baharu
Bermula, segala sifat yang wajib pada hak segala Rasul Allah itu	tiga perkara
Adapun setengah daripada sifat yang wajib bagi hak Taala itu	dua puluh sifat

Berdasarkan Jadual 1 tema ayat *Bermula, segala sifat yang wajib pada hak segala Rasul Allah itu* merupakan maklumat yang telah disebut sebelumnya, iaitu:

(10) Dan barang yang wajib pada hak segala Rasul-Nya,...(164)

Oleh itu, maklumat ini menjadi maklumat latar atau maklumat lama. Maklumat ini tidak menjadi fokus dalam mesej yang hendak disampaikan, oleh sebab itu maklumat ini diletakkan pada bahagian awal ayat. Penanda maklumat lama ialah kata penentu itu, misalnya *Rasul Allah itu dan hak Taala itu*. Maklumat yang menjadi fokus mesej ialah *tiga perkara*, yakni maklumat baharu yang belum pernah disebut sebelumnya. Hal yang sama terjadi pada contoh berikutnya, *Adapun setengah daripada sifat yang wajib bagi hak Taala itu* yang juga maklumat latar yang tidak menjadi fokus kerana telah disebut sebelumnya,

(11) Maka wajiblah atas tiap-tiap orang yang akil baligh itu mengetahuinya barang yang wajib pada hak Taala,...(164)

Fokus ayat ini ialah maklumat baharu, iaitu dua puluh sifat. Kata penentu *itu* dapat juga dijadikan sebagai penanda kehadiran maklumat latar. Pengarang kemudiannya memperincikan kedua-dua maklumat baharu ini dalam pembicaraannya, iaitu dengan menyenaraikan ketiga-tiga sifat yang wajib tentang rasul, dan dua puluh sifat yang wajib bagi Allah. Berdasarkan analisis teks *UMSMM* didapati pola maklumat lama–maklumat baharu. Maklumat latar menyatakan topik yang ingin dibicarakan dan topik ini telah disebut sebelumnya, misalnya topik tentang sifat yang wajib bagi rasul. Maklumat baharu pula menyatakan fokus pembatas tentang topik

yang dikemukakan. Misalnya, maklumat baharu *tiga perkara* merupakan fokus pembatas tentang tiga perkara (sifat) yang wajib bagi rasul. Ayat yang menyusulnya berfungsi memperincikan fokus pembatas ini.

KOMPONEN PAUTAN

Dalam bahagian ini akan dibincangkan tiga komponen pautan, iaitu rujukan, penghubung wacana dan pautan leksikal. Perbincangan ini akan memperlihatkan cara pengarang mempertautkan ayat dan juga perenggan berdasarkan kata rujukan, kata penghubung wacana dan kata atau frasa yang sinonim.

RUJUKAN

Rujukan berfungsi menandakan perkaitan antara kata atau frasa dalam ayat yang sama atau berbeza. Pengarang teks *UMSMM* didapati menggunakan rujukan semula (*co-reference*) untuk memperlihatkan pertautan antara ayat. Misalnya:

- (12) (1) Maka inilah (RUJUKAN) kenyataan kata kami, bermula menghimpunkan segala makna yang tersebut **itu** (RUJUKAN), yaitu kalimah *la ilaha illa Llah Muhammad rasulu* 'Llah yang telah terdahulu **itu** (RUJUKAN). (2) Adapun barang siapa tahu akan kenyataan kata **ini** (RUJUKAN), maka sayugialah diperbanyak menyebut-nyebut kalimah tauhid **ini** (RUJUKAN), kerana Nabi *salla* 'Llah 'alayh wa *sallam* menyuruhkan kita dengan berbilang-banyak kali menyebut dia (RUJUKAN). (3) Dan dinamai **ia** (RUJUKAN) kalimah tauhid, dan kalimah ikhlas, dan kalimah taqwa, dan kalimah *tayyibah*, dan *da'wat al-baqq*, dan *urwat al-wuthqa* dan *thaman al-jann* kerana sabda Nabi *salla* 'Llah 'alayh wa *sallam*. (168).

Contoh perenggan di atas terdiri daripada tiga ayat kompleks. Berdasarkan analisis, terdapat sekurang-kurangnya tujuh rujukan dalam keseluruhan perenggan tersebut. Rujukan ini ditandai oleh kata *ini* atau *itu* yang berfungsi sebagai rujukan penegasan dan kata *ia* atau *dia* yang menjadi rujukan abstrak bukan manusia. Kedua-dua rujukan penegasan dan rujukan abstrak bukan manusia ini merujuk kalimah *la ilaha illa Llah Muhammad Rasulu* 'Llah. Dapat diperhatikan bahawa pada abad ke-17, kedua-dua kata *ia* atau *dia* telah digunakan untuk rujukan bukan

manusia. Hal ini berbeza dengan bahasa Melayu kini, yang secara sedar memisahkan penggunaan *dia* untuk manusia, sementara *ia* terbuka untuk subkategori lain (Asmah Haji Omar 1991:118).

PENGHUBUNG WACANA

Kata penghubung dan kata wacana berfungsi memperlihatkan perpautan antara idea dalam teks *UMSMM*. Antara kata penghubung yang digunakan dalam teks *UMSMM* ialah *dan*, manakala kata wacana ialah *bermula*, *maka*, dan *adapun*. Kesemua kata yang disebutkan itu berfungsi sebagai penghubung antara ayat atau memulakan perenggan. Dari segi makna, kata perpautan ini terbahagi kepada tiga, iaitu kata pembuka cerita, kata penyambung cerita dan kata penambah cerita.

(a) Kata Pembuka Cerita

Menurut Asmah Haji Omar (1995:159) kata pembuka cerita ialah kata yang berfungsi memulakan sesuatu cerita atau peristiwa. Antara kata tersebut termasuklah *alkisah*, *adalah* dan *bermula*. Za'ba (1965) pula menamakan kata ini sebagai pembatas karangan yang berfungsi memulakan sesuatu karangan atau perenggan.

Bermula

Dalam teks kajian ini hanya kata *bermula* yang digunakan oleh pengarang sebagai pembuka cerita. Kata *alkisah* tidak digunakan langsung kerana teks *UMSMM* berunsur keagamaan. Kata *alkisah* biasa ditemui dalam teks Melayu klasik yang berbentuk hikayat. Berdasarkan kajian Asmah terhadap teks klasik *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Hikayat Terong Pipit*, kata *bermula* atau *sebermula* berfungsi untuk memulakan peristiwa dalam sesuatu bab atau membuka peristiwa dalam peristiwa. Walau bagaimanapun, dalam teks *UMSMM*, kata *bermula* tidak digunakan untuk memulakan peristiwa, tetapi menandakan permulaan topik perbincangan. Perbincangan yang dimaksudkan ini adalah tentang hal pokok atau asas. Misalnya:

- (13) *Bermula*, ketahui olehmu hal segala saudaraku yang berkehendak menjalani jalan kepada Allah, bahawasanya yang pertama-tama wajib atas segala orang yang akil baligh itu, iaitu mentauhidkan hak Subhanahuwataala. (164)

- (14) *Bermula*, segala sifat yang wajib pada hak segala Rasul Allah itu tiga perkara. (166)
- (15) *Bermula*, menghimpunkan segala makna yang tersebut itu, iaitu kalimah la ilahaiilla Llah Muhammad Rasulullah kerana makna la ilahaiillaLlah itu seperti kata Sanusi rahmatullah atasnya (166)

Ketiga-tiga contoh ayat di atas ditemui pada bahagian awal teks *UMSMM*. Dalam contoh (13) kata *bermula* berfungsi memulakan perbicaraan tentang mentauhidkan Allah. Contoh (14) pula menggunakan kata *bermula* untuk memulakan bicara tentang tiga sifat yang wajib bagi Rasulullah. Ketiga-tiga sifat ini, iaitu benar, kepercayaan dan menyampaikan kemudiannya dijelaskan dalam ayat yang mengikutinya. Seterusnya contoh (15) memulakan bicara tentang makna kalimah syahadah, yang diperincikan dalam ayat yang menyusul. Jika diperhatikan kesemua contoh ini membicarakan hal yang paling asas dalam Islam, iaitu mentauhidkan Allah, sifat rasul dan makna kalimah syahadah. Pokok perbicaraan ini dimulakan dengan kata *bermula*. Dalam konteks hari ini kata *bermula* mempunyai makna *pertama-tama, yang mula sekali*. Maksudnya *pertama-tama* atau *yang mula sekali* merujuk perkara pokok yang akan dibicarakan dalam sesuatu karangan (misalnya, *pertama-tama* atau *yang mula sekali*, ketahui olehmu hal...).

(b) Kata Penyambung Cerita

Kata penyambung cerita berfungsi mewujudkan perpautan antara cerita sebagai satu kesatuan cerita yang berkesinambungan. Berdasarkan analisis, kata penyambung cerita dapat dibahagikan kepada dua, iaitu kata penegas topik dan kata penambah cerita, seperti yang berikut:

(i) Kata Penegas Topik

Kata penegas topik berfungsi memberikan penegasan tentang topik yang dikemukakan oleh pengarang. Dalam teks *UMSMM* kata penegas topik ditandai oleh *adapun*.

Adapun

Menurut Asmah Haji Omar (1995:166) kata *adapun* merupakan gabungan kata kerja *ada* dan *pun*. Kata ini bersifat arkaik dan tidak digunakan lagi dalam karangan pada hari ini. Dalam kajian yang pernah dilakukan oleh

Sato (1997:162) terhadap teks *Hikayat Hang Tuah*, didapati kata *adapun* memperlihatkan ciri kata depan *mengenai* atau kata penghubung *bahawa*, yang berfungsi mengemukakan judul dengan tegas. Berdasarkan analisis, kata *adapun* dalam teks *UMSMM* turut memperlihatkan makna yang sama dengan kata penghubung “bahawa” yang berfungsi untuk menegaskan judul. Misalnya:

- (16) *Adapun* setengah daripada sifat yang wajib bagi hak Taala itu dua puluh sifat. (165)
- (17) *Adapun* segala sifat yang mustahil atas hak Taala, maka iaitu dua puluh sifat, iaitu lawan segala sifat yang telah tersebut itu jua. (165)
- (18) *Adapun* kalimah Muhammad Rasulullah itu, maka iaitu masuk dalamnya iman akan segala nabi, dan akan segala malaikat, dan akan kitab yang diturunkan Allah Taala kepada rasul-Nya dan akan hari kiamat, kerana bahawa Nabi *SallaLahiwassalam* datang membenarkan sekalian yang tersebut itu. (167)
- (19) *Adapun* sebab kita disuruhkan dengan banyak-banyak kali menyebut kalimah itu kerana segala yang telah tersebut dalam hadis itulah. (169)
- (20) *Dan adapun* segala adab yang kemudian daripada zikir itu, pertama hendaklah ia tetap apabila ia diam daripada zikir itu dengan ikhtiarnya seperti yang telah tersebut itu. (174)

Dapat diperhatikan bahawa kata *adapun* berfungsi memberikan penegasan pada tema ayat. Penegasan tema tersebut dapat dirumuskan seperti yang berikut:

Jadual 2 *Adapun* sebagai penegasan tema.

Kata penghubung wacana penegasan	Tema
Adapun	setengah daripada sifat yang wajib bagi hak taala itu
Adapun	segala sifat yang mustahil atas hak taala
Adapun	kalimah Muhammad Rasulullah itu
Adapun	sebab kita disuruhkan dengan banyak-banyak kali menyebut kalimah itu
Dan adapun	segala adab yang kemudian daripada zikir itu

Jadual 2 memperlihatkan bahawa kata adapun berfungsi menegaskan tema ayat dan boleh digantikan dengan kata penghubung *bahawa*, misalnya *bahawa segala adab yang kemudian daripada zikir itu...* Yang ditegaskan dalam contoh (16) ialah sifat yang wajib bagi Allah, contoh (17) menegaskan sifat yang mustahil bagi Allah, contoh (18) menegaskan kalimah Muhammad Rasulullah, contoh (19) menegaskan sebab suruhan menyebut kalimah Allah dan (20) menegaskan adab berzikir.

(ii) Kata Penambah Cerita

Kata penambah cerita berfungsi menambah maklumat tentang sesuatu topik yang telah disebut sebelumnya. Antara kata penambah cerita yang dapat dikesan termasuklah *maka*, *dan* dan *telah*.

Maka

Kata *maka* merupakan salah satu kata penghubung wacana arkaik yang masih digunakan dalam karangan pada hari ini. Kajian Umar Junus (2010) menunjukkan bahawa gaya wacana sebelum abad ke-20 ditandai oleh *maka*, malah dianggap sebagai stereotaip dan klise. Berdasarkan penelitian, fungsi kata *maka* dalam teks kajian ini berbeza dengan teks Melayu klasik, misalnya *Hikayat Merong Mahawangsa*. Misalnya:

- (21) *Sebermula maka* tersebutlah perkataan Raja Merong Mahawangsa membuat negeri ke timur Pulau Seri itu, hendak menentukan khabar anak Raja Rom itu, kalau-kalau ada hidupnya atau datang surat daripada negeri Rom. *Maka* raja Merong Mahawangsa pun duduk di dalam negeri yang baharu diperbuatnya itu, hingga sampai beroleh seorang putera laki-laki, ... (28)

Asmah Haji Omar (1995:167) menyatakan bahawa kata *maka* dalam contoh (21) di atas berfungsi sebagai kata penyambung peredaran masa, misalnya untuk menunjukkan rentetan dua kejadian yang berlaku. Dapatan Asmah ini bersesuaian dengan kajian Umar Junus (2010) bahawa binaan ayat yang menggunakan *maka* dapat menyatakan urutan peristiwa. Dalam teks *UMSMM* pula, kata *maka* berfungsi menambah maklumat topik yang telah disebut sebelumnya. Perbezaan fungsi kata *maka* ini dapat difahami kerana teks *UMSMM* bersifat keagamaan, bukannya naratif (penceritaan). Jadi yang dipentingkan bukannya masa kejadian tetapi penjelasan sesuatu topik. Dari segi makna, kata *maka* memperlihatkan beberapa makna, iaitu *seterusnya*, *sebab itu* dan *bahawa*. Misalnya:

- (22) *Maka* wajiblah atas tiap-tiap orang yang akil baligh itu mengetahuinya barang yang wajib pada hak Taala, dan yang mustahil atas-Nya dan yang harus bagi-Nya. (164)
- (23) *Maka* segala sifat yang tersebut itu, sekeliannya terbahagi ia kepada empat bahagi. (165)
- (24) *Maka* inilah setengah daripada segala dalil harus Jahr pada zikir. (177)
- (25) *Maka* adalah yang dinamai jin dan manusia itu am kepada tubuhnya, dan lidahnya dan hatinya. (178)

Kata *maka* dalam contoh (22) hadir dalam perenggan. Dari segi makna, kata *maka* ini mempunyai makna musabab, misalnya *sebab itu*. Berbeza dengan contoh (23) yang menggunakan kata *maka* pada bahagian awal perenggan. Dalam konteks ini, kata *maka* mempunyai makna kata penghubung wacana *seterusnya*, yang menandakan pemula topik yang baharu. Fungsi ini menyamai kata *bermula* yang menandakan permulaan topik perbicaraan. Dua contoh yang berikutnya, (24) dan (25) memperlihatkan makna *maka* seperti kata penghubung *bahawa*, iaitu sebagai penegasan pada topik yang dibincangkan.

Dan

Kata *dan* berfungsi menghubungkan kata, frasa, klausa dan ayat. Dalam teks kajian ini kata *dan* digunakan dalam ayat, memulakan ayat dan juga memulakan sesuatu perenggan. Dari segi fungsi, kata *dan* digunakan untuk memperluas (*extend*) maklumat yang terdapat dalam ayat sebelumnya. Misalnya:

- (26) *Dan* demikian lagi wajib pula atasnya mengetahui barang yang wajib pada hak segala rasul Allah, *dan* yang mustahil atas mereka itu *dan* yang harus baginya mereka itu,...(164)
- (27) *Dan* mustahil atas mereka itu mengerjakan segala yang ditegah Allah Taala kerana adalah mereka itu disuruhkan Allah Taala mengajar segala makhluk-Nya dengan segala kata mereka itu, *dan* segala perbuatan mereka itu, *dan* dengan diam mereka itu. (168)
- (28) *Dan* kata setengah mereka itu bahawa adalah segala adab zikir itu dua puluh perkara. Lima perkara dahulu daripada zikir, dan dua belas perkara pada ketika zikir dan tiga perkara kemudian daripada zikir. (174)

- (29) *Dan* adapun segala adab yang kemudian daripada zikir itu, pertama hendaklah ia tetap apabila ia diam daripada zikir itu dengan ikhtiarnya seperti yang telah tersebut itu...Kedua,... (174)

Dua contoh ayat yang pertama (26) dan (27) menunjukkan kata *dan* digunakan sebagai penghubung antara ayat, dan juga penghubung antara klausa. Dapat diperhatikan bahawa kata penghubung *dan* berfungsi menambah maklumat yang telah disebut dalam ayat sebelumnya, misalnya menambah maklumat yang mustahil dan yang harus bagi rasul.

Dua contoh berikutnya, (28) dan (29) memperlihatkan penggunaan kata *dan* pada bahagian awal perenggan. Fungsinya berbeza kerana kata *dan* dalam contoh (28) memperkenalkan topik pembicaraan, iaitu tentang adab berzikir, sementara contoh (29) memperincikan topik pembicaraan yang telah disebut dalam perenggan (28) sebelumnya, iaitu tentang adab yang kemudian daripada zikir.

Seperkara yang menarik tentang kesemua contoh ayat di atas ialah perkaitan antara maklumat lama dengan baharu yang dapat dikesan melalui bentuk anafora, misalnya *mereka itu* dan *zikir itu*. Anafora ini menyatakan bahawa *mereka itu* dan *zikir itu* adalah maklumat lama.

Dari segi sintaksis pula, ternyata teks *UMSMM* cenderung menggunakan ayat kompleks dengan pengaruh tatabahasa Arab. Dalilnya, kekompleksan sesuatu ayat disebabkan oleh penggunaan kata penghubung *dan* yang sangat kerap. Dalam bahasa Melayu moden, kata *dan* boleh digantikan dengan tanda baca koma. Sebaliknya, dalam sistem bahasa arab penggunaan kata *dan* (*wa*) adalah wajib sebagai penghubung antara dua unsur bahasa. Contoh ayat kompleks dalam teks *UMSMM* yang menggunakan *dan* ialah:

- (30) Pada malam, *dan* siang, *dan* di darat, *dan* di laut, *dan* pada pelayaran, *dan* pada negeri, *dan* pada masa kaya, *dan* fakir, *dan* pada masa sakit, *dan* sihat, *dan* dengan sirr *dan* dengan jahr. (176)

Contoh (30) di atas memperlihatkan penggunaan 11 unsur *dan*. Dapat diperhatikan bahawa *dan* berfungsi menghubungkan unsur bahasa daripada kelas kata yang sama, misalnya, kata nama + kata nama (malam *dan* siang), kata adjektif + kata adjektif (fakir *dan* miskin) dan frasa sendi nama + frasa sendi nama (di darat *dan* di laut, pada pelayaran *dan* pada negeri, pada masa kaya *dan* pada masa sakit, *dan* dengan sirr *dan* dengan jahr). Dari aspek gaya, kesemua contoh ini dianggap sejajar.

Dapat diperhatikan bahawa kata dan frasa yang dihubungkan oleh *dan* ini merupakan antonim, iaitu mempunyai makna yang kontras. Misalnya, malam berkontras dengan siang dari segi waktu, darat berkontras dengan laut dari segi tempat, dan kaya berkontras dengan fakir dari segi kedudukan sosial. Oleh itu, unsur *dan* berfungsi menggandingkan kata atau frasa yang berkontras dari segi makna.

Telah

Kata *telah* merupakan kata kerja bantu yang berfungsi menunjukkan sesuatu proses yang telah berlaku.

(31) *Telah disuruhkan* Allah mereka itu dengan menyebut-nyebut zikir mereka itu akan segala bapa mereka itu atau terlebih sangat daripada sebut mereka itu pada pihak nyaringnya. (176)

Proses *telah disuruhkan* dalam contoh (31) tidak menunjukkan jangka masa yang tertentu. Hal ini berbeza dengan teks Melayu klasik, misalnya dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*:

(32) *Telah* demikian hari pun tengah naik, datanglah langgar menteri besar kedua (104)

Kata *telah* dalam contoh (32) menunjukkan adanya peredaran masa yang tertentu, yang dapat difahami waktu kejadiannya, misalnya tengah hari (hari pun tengah naik). Sebaliknya dalam teks *UMSMM* kata *telah* hanya berfungsi untuk menyatakan sesuatu proses yang telah berlaku, misalnya proses suruhan berzikir oleh Allah.

PAUTAN LEKSIKAL

Pautan leksikal berfungsi menandakan perkaitan dan koheren antara leksikal, dan juga membantu pembaca menginterpretasikan mesej teks. Perhatikan contoh yang berikut:

(33) Maka inilah kenyataan kata kami, bermula menghimpunkan segala makna yang tersebut itu, yaitu kalimah *la ilaha illa Llah Muhammad rasulu 'Llah* yang telah terdahulu itu. (2) Adapun barang siapa tahu

akan kenyataan kata ini, maka sayugialah diperbanyak menyebut-nyebut kalimah tauhid ini, kerana Nabi *Salla Llah 'alayh wa sallam* menyuruhkan kita dengan berbilang-banyak kali menyebut dia. (3) Dan dinamai ia **kalimah tauhid**, (PAUTAN LEKSIKAL) dan **kalimah ikhlas**, (PAUTAN LEKSIKAL) dan **kalimah taqwa**, (PAUTAN LEKSIKAL) dan **kalimah tayyibah**, (PAUTAN LEKSIKAL) dan **da'wat al-baqq**, (PAUTAN LEKSIKAL) dan **urwat al-wuthqa**, (PAUTAN LEKSIKAL) dan **thaman al-jannah**, (PAUTAN LEKSIKAL) kerana sabda Nabi *salla 'Llah 'alayh wa sallam*.

Gaya yang lazim dalam teks Melayu klasik ialah kecenderungan pengarangnya mengulang unsur bahasa yang sama rujukannya tetapi berbeza leksikalnya. Misalnya kalimah *syahadah la ilaha illa Llah Muhammad rasulu 'Llah* telah dinyatakan nama lainnya, iaitu *kalimah tauhid, kalimah ikhlas, kalimah taqwa, kalimah tayyibah, da'wat al-baqq, urwat al-wuthqa* dan *thaman al-jannah*. Gaya seperti ini mewujudkan pautan leksikal antara ayat, dan dapat menunjukkan perkaitan makna antara frasa tersebut. Pengulangan rujukan yang sinonim ini berfungsi memperlihatkan tahap pemahaman seseorang terhadap kalimah syahadah. Misalnya, kalimah syahadah lazimnya dikenali sebagai kalimah tauhid, tetapi bagi yang mengamal dan memahaminya akan menganggap kalimah tersebut sebagai kalimah ikhlas. Yang lebih tinggi tahap pemahamannya akan menganggap kalimah syahadah ini sebagai seruan dakwah yang kekal abadi (*da'wat al-baqq*), dan begitulah seterusnya.

KESIMPULAN

Teks *UMSMM* dihasilkan lebih kemudian daripada teks *AN* (abad ke-16). Walau bagaimanapun teks *UMSMM* ini memperlihatkan kesinambungan penggunaan bahasa dengan teks *AN* kerana kedua-duanya merupakan teks falsafah yang berkaitan dengan ajaran agama Islam. Teks *UMSMM* masih mengekalkan penggunaan kata bermula sebagai pemula topik pembicaraan, tetapi tidak menggunakan *alkisah* sebagaimana yang terdapat dalam teks *Sejarah Melayu*.

Dari segi struktur, ternyata teks *UMSMM* cenderung menggunakan ayat kompleks dengan pengaruh tatabahasa Arab. Dalilnya kekompleksan sesuatu ayat disebabkan oleh penggunaan kata penghubung *dan* yang sangat kerap. Dalam bahasa Melayu moden, kata *dan* boleh digantikan dengan

tanda baca koma. Sebaliknya, dalam sistem bahasa Arab penggunaan kata *dan (wa)* wajib sebagai penghubung antara dua unsur bahasa.

Gaya perpautan dalam teks *UMSMM* juga agak menarik kerana sesuatu unsur bahasa, misalnya kata wacana maka dapat menunjukkan beberapa makna yang berbeza mengikut konteks ayat, misalnya penghubung musabab (sebab itu), pemula topik baharu (seterusnya) dan penegasan topik (bahawa). Dari segi susunan maklumat, tek *UMSMM* cenderung menonjolkan gaya maklumat latar–baharu. Kajian ini mendapati bahawa maklumat latar merujuk maklumat lama yang telah disebut sebelumnya, sementara maklumat baharu berfungsi menyatakan topik yang menjadi fokus perbincangan.

Sesungguhnya, kajian teks bahasa Melayu klasik seperti ini wajar diteruskan untuk memahami gaya persembahan pengarang. Penulis percaya masih banyak lagi teks Melayu klasik, khususnya yang berbentuk keagamaan yang belum dibincangkan aspek kebahasaannya secara tuntas. Perbincangan yang menyeluruh tentang teks Melayu klasik akan dapat menonjolkan kesinambungan gaya bahasa Melayu klasik dengan bahasa Melayu moden. Implikasi kajian ini memperlihatkan keistimewaan teks *UMSMM* dari segi pengaruh karya ini dalam masyarakat Islam di Kepulauan Melayu khususnya.

RUJUKAN

- Adebola, O., 2011. “A Textual Analysis of Selected Text Messages of Male and Females” dlm. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies (JETERAPS)* 2 (4): 290-95.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqaid Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1995. *Bahasa Kesusasteraan Klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloor, T. & Bloor, M., 1995. *The Functional Analysis of English*. London: Arnold.
- Halliday, M.A.K. 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. Second edition. London: Edward Arnold.
- Idris Aman, 2010: *Analisis Wacana*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Rath, A., 2010. “A Discourse Analysis of First Position Nominal Groups in Research Article Titles” dlm. *Taiwan International ESP Journal* Vol. 2:

JURNAL BAHASA

1, 85-104.

Sato Hirobumi, 1997. *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Thompson, G., 2004. *Introducing Functional Grammar*. Second edition. London: Arnold.

Umar Junus, 2010. *Gaya Bahasa Sastra Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.